

IMPLIKASI KAEDAH PENYELESAIAN BAGI MENGATASI
PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN BAGI AKTIVITI PERTANIAN LIMAU
BALI DI DAERAH KINTA

SITI ZAKIAH BINTI WAGIMAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2021

DEDIKASI

Ditujukan khas buat Arwah Abah, almarhum Wagiman Bin Marjuki, Mak, Puan Kintan Binti Jamian serta suami yang dicintai Encik Mustoffa Bin Aliman, anak-anak kesayanganku Nur Sumayya Amany Binti Mustoffa, Muhammad Zikry Thaqif Bin Mustoffa dan Muhammad Aqil Faris Bin Mustoffa serta adik beradikku yang disayangi.

Terima kasih di atas segala nasihat, kasih sayang, masa dan pengorbanan yang dicurahkan tanpa henti. Buat teman dan sahabat seperjuangan yang dikasihi terima kasih di atas segala persahabatan, komitmen, sokongan, dan bantuan yang selalu diberikan tanpa mengira masa dan ketika.

Terima kasih atas segalanya, Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala jasa kalian.

PENGHARGAAN

Dipanjatkan rasa syukur dan ucapan alhamdulillah ke hadrat Ilahi dengan limpah rezeki dan taufik hidayah daripada Allah SWT maka projek sarjana ini dapat disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia khususnya Fakulti Alam Bina dan Ukur di atas peluang yang berharga sepanjang pengajian ini. Jutaan penghargaan saya adalah milik penyelia, Dr. Salfarina Binti Samsudin yang tidak pernah jemu memberikan tunjuk ajar sepanjang tempoh penulisan kajian ini. Ucapan terima kasih juga kepada panel, Dr. Siti Radiaton Adawiyah Binti Zakaria dan Dr Ainur Zaireen Binti Zainudin serta pensyarah-pensyarah lain yang telah memberikan ilmu dan nasihat sepanjang pengajian ini. Ribuan terima kasih di atas nasihat, komitmen, bantuan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali sekalung penghargaan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan di Pesisir Ipoh serta kakitangan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak di atas kerjasama dan bantuan yang telah diberikan. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada semua jabatan dan agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan kajian ini.

ABSTRAK

Kes pencerobohan tanah yang melibatkan aktiviti pertanian dilihat semakin berleluasa dan telah menjejaskan imej pentadbiran tanah. Isu ini perlu diselesaikan bagi memastikan Kerajaan Negeri tidak mengalami ketirisan hasil tanah iaitu premium dan cukai tanah. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengkaji isu pencerobohan tanah Kerajaan bagi aktiviti pertanian limau bali di Daerah Kinta. Kajian ini adalah untuk mengkaji kaedah penyelesaian semasa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan isu pencerobohan bagi tujuan aktiviti pertanian. Seterusnya, implikasi terhadap kaedah penyelesaian yang diambil juga turut dianalisis. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan melaksanakan pengumpulan data melalui borang temubual berstruktur. Bagi tujuan pengumpulan data, beberapa sesi temubual telah diadakan bersama beberapa jabatan dan agensi yang terlibat secara langsung dengan isu pencerobohan tanah Kerajaan dan juga jabatan yang bertanggungjawab dalam aspek pembangunan dan kawalan kawasan kajian. Selain itu, data juga dikumpulkan melalui bahan rujukan yang berkaitan dengan isu pencerobohan tanah. Data yang diterima dianalisis bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Hasil kajian mendapati terdapat kelulusan pemberimilikan tanah kepada pengusaha limau bali dan pemberimilikan kepada agensi Kerajaan Negeri. Setelah kaedah tersebut dilaksanakan, kajian ini telah menemukan beberapa implikasi yang memerlukan penambahbaikan. Antara implikasinya adalah kawasan yang telah diluluskan pemberimilikan kepada pengusaha limau bali ialah mereka tidak lagi mengusahakan kawasan ini dengan pertanian limau bali sebaliknya menjalankan aktiviti lain di kawasan ini. Kaedah pemberimilikan kepada agensi Kerajaan Negeri bagi tujuan skim perumahan pula tidak dapat dilaksanakan dan kawasan terbiar sehingga kini. Seterusnya, dicadangkan kaedah penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan isu pencerobohan tanah Kerajaan dan penambahbaikan bagi memastikan isu pencerobohan tanah di negeri Perak dapat diselesaikan tanpa membantutkan aktiviti pertanian limau bali yang menjadi tarikan utama di Daerah Kinta. Hasil kajian ini dapat meningkatkan tahap urus tadbir pentadbiran tanah di samping membantu sektor ekonomi lain seperti pertanian dan aktiviti pelancongan.

ABSTRACT

This study was prepared to study the issue of government land encroachment for limau bali farming activities in Kinta district. This study will examine the settlement methods that have been implemented by the state government in resolving the issue of encroachment of government land. Next, the researcher will study the implications of the solution method. The implications of the remedial action that has been implemented are studied to identify the best solution method to suggest a solution in areas that have not yet taken any action. This is because limau bali are known as agricultural products in the Kinta district. The issue of government land encroachment needs to be resolved to ensure that the state government does not suffer from land leakage, namely premiums and land taxes. In addition, cases of land encroachment that are becoming more prevalent today need to be taken action because it affects the image of the land administration and the state government itself. For the purpose of data collection, several interview sessions were held with several departments and agencies directly involved with the issue of government land encroachment as well as the department responsible for the development and control of the area. In addition, data were also collected through reference materials related to land encroachment issues. The data received are analysed to achieve the objectives of the study that has been set. Next, proposed the best solution to resolve the issue of government land encroachment for limau bali agricultural activities and proposed several methods of improvement to ensure the issue of land encroachment in perak can be resolved. By the state government, it will be able to help resolve the issue of encroachment on government land and in a period of time the state government will be able to increase revenue through the tourism sector.

SENARAI KANDUNGAN

| | TAJUK | MUKA SURAT |
|--------------|--|--------------|
| | PENGAKUAN | iii |
| | DEDIKASI | iv |
| | PENGHARGAAN | v |
| | ABSTRAK | vi |
| | ABSTRACT | vii |
| | SENARAI KANDUNGAN | viii |
| | SENARAI JADUAL | xiv |
| | SENARAI RAJAH | xv |
| | SENARAI SINGKATAN | xvii |
| | SENARAI LAMPIRAN | xviii |
| BAB 1 | Pengenalan | 1 |
| | 1.1 Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 Penyataan Masalah | 3 |
| | 1.3 Matlamat Kajian | 8 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 8 |
| | 1.5 Skop Kajian | 8 |
| | 1.6 Kepentingan Kajian | 10 |
| | 1.6.1 Pihak Berkuasa Negeri | 10 |
| | 1.6.2 Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak | 11 |
| | 1.6.3 Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh | 11 |
| | 1.6.4 Jabatan Pertanian Negeri Perak | 12 |
| | 1.7 Metodologi Kajian | 12 |
| | 1.7.1 Peringkat Kajian Awal | 12 |
| | 1.7.2 Peringkat Kajian Literatur | 12 |
| | 1.7.3 Peringkat Kajian Lapangan | 13 |
| | 1.7.4 Peringkat Analisis Kajian | 16 |

| | | |
|--------------|---|-----------|
| 1.7.5 | Peringkat Penemuan Kajian | 17 |
| 1.8 | Susunatur Bab | 18 |
| 1.8.1 | Bab Satu – Pengenalan | 19 |
| 1.8.2 | Bab Dua – Pencerobohan Tanah Kerajaan | 19 |
| 1.8.3 | Bab Tiga – Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Tujuan Tanaman Limau Bali Di Daerah Kinta | 19 |
| 1.8.4 | Bab Empat – Analisis Kajian | 20 |
| 1.8.5 | Bab Lima – Kesimpulan dan Cadangan Penyelesaian | 20 |
| BAB 2 | PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN | 21 |
| 2.1 | Pendahuluan | 21 |
| 2.2 | Definisi Pencerobohan Tanah Kerajaan | 21 |
| 2.3 | Definisi Tanah | 23 |
| 2.4 | Definisi Tanah Kerajaan | 24 |
| 2.5 | Kategori Pencerobohan Tanah Kerajaan | 24 |
| 2.5.1 | Kategori Bangunan | 25 |
| 2.5.2 | Kategori Pertanian | 26 |
| 2.5.3 | Kategori Perusahaan | 27 |
| 2.5.4 | Lain-lain Kategori | 28 |
| 2.6 | Punca-Punca Berlakunya Pencerobohan Tanah Kerajaan | 28 |
| 2.6.1 | Faktor Ekonomi | 28 |
| 2.6.2 | Faktor Tanah Kerajaan Yang Belum Di Bermilik | 29 |
| 2.6.3 | Faktor Kelewatan Proses Permohonan Pemberimilikan Tanah | 29 |
| 2.6.4 | Faktor Kelemahan Dari Aspek Pemantauan dan Penguatkuasaan | 30 |
| 2.6.5 | Faktor Campur Tangan Politik | 30 |
| 2.7 | Peruntukan Undang-Undang Berkaitan Pencerobohan Tanah Kerajaan | 31 |
| 2.7.1 | Kanun Tanah Negara 1965 | 31 |
| 2.7.2 | Kaedah-Kaedah Tanah Negeri | 34 |
| 2.7.3 | Pekeliling | 35 |

| | | |
|--------|---|----|
| 2.8 | Pihak Yang Terlibat Dalam Tindakan Penguatkuasaan | 37 |
| 2.8.1 | Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) | 37 |
| 2.8.2 | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) | 38 |
| 2.8.3 | Kerajaan Negeri | 39 |
| 2.9 | Kepentingan dan Faedah Pekeliling Penguatkuasaan | 40 |
| 2.9.1 | Tindakan Penguatkuasaan Menjadi Lebih Sistemik | 41 |
| 2.9.2 | Menjimatkan Masa Dan Kos Pengurusan Tindakan Penguatkuasaan | 41 |
| 2.9.3 | Tindakan Penguatkuasaan Dijalankan Secara Bersepadu | 41 |
| 2.9.4 | Tindakan Penguatkuasaan Menjadi Lebih Mudah Dan Berkesan | 41 |
| 2.10 | Isu Dalam Pelaksanaan Tindakan Penguatkuasaan | 42 |
| 2.10.1 | Tidak Mematuhi Peruntukan Undang-Undang | 43 |
| 2.10.2 | Tiada Kerjasama Daripada Agensi Lain | 43 |
| 2.10.3 | Bantahan Penceroohan Tanah | 43 |
| 2.10.4 | Keselamatan Kakitangan Tidak Terjamin | 44 |
| 2.10.5 | Campur Tangan Politik | 44 |
| 2.10.6 | Implikasi Kewangan | 44 |
| 2.11 | Kaedah Penyelesaian Penceroohan Tanah Di Malaysia | 44 |
| 2.11.1 | Tindakan Penguatkuasaan dan Dakwaan | 45 |
| 2.11.2 | Pemberimilikan Tanah | 48 |
| 2.11.3 | Pemberikan Pajak Tanah Rizab | 49 |
| 2.11.4 | Kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) | |
| | 50 | |
| 2.12 | Rumusan | 52 |

BAB 3 KAWASAN KAJIAN: PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN BAGI TUJUAN TANAMAN LIMAU BALI DI DAERAH KITA **55**

| | | |
|-----|----------------------------|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 55 |
| 3.2 | Latarbelakang Negeri Perak | 56 |
| 3.3 | Latarbelakang Daerah Kinta | 59 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| 3.4 | Aktiviti Pertanian Limau Bali Di Daerah Kinta | 62 |
| 3.5 | Keluasan Tanah Kerajaan Yang Diceroboh Mengikut Daerah | 66 |
| 3.6 | Tindakan Penguatkuasaan Tanah di Bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 di Negeri Perak | 67 |
| 3.7 | Kelulusan Pemberimilikan Tanah di Negeri Perak | 69 |
| 3.8 | Aktiviti Pertanian Limau Bali Di Kawasan Tambun Dan Ampang Di Daerah Kinta | 72 |
| 3.9 | Rumusan | 73 |
| BAB 4 | ANALISIS KAJIAN | 75 |
| 4.1 | Pendahuluan | 75 |
| 4.2 | Hasil Analisis Kajian | 75 |
| 4.2.1 | Objektif I: Mengkaji Tindakan Penyelesaian Semasa Bagi Menyelesaikan Isu Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Aktiviti Pertanian Limau Bali Di Daerah Kinta. | 76 |
| 4.2.1.1 | Kaedah Kelulusan Pemberimilikan Kepada Pencerobohan Tanah Kerajaan (Pengusaha Limau Bali) | 78 |
| 4.2.1.2 | Kaedah Pemberimilikan Kepada Agensi Kerajaan Negeri | 80 |
| 4.2.1.3 | Kawasan Yang Masih Berstatus Tanah Kerajaan | 81 |
| 4.2.2 | Objektif II: Mengkaji Implikasi Terhadap Tindakan Penyelesaian Kes Pencerobohan Tanah Kerajaan Untuk Aktiviti Pertanian Limau Bali Di Daerah Kinta. | 85 |
| 4.2.2.1 | Pemberimilikan Kepada Pencerobohan Tanah Kerajaan (Pengusaha Asal) | 85 |
| 4.2.2.2 | Pemberimilikan Kepada Agensi Kerajaan Negeri | 91 |
| 4.3 | Rumusan | 93 |
| BAB 5 | KESIMPULAN DAN CADANGAN | 95 |
| 5.1 | Pengenalan | 95 |
| 5.2 | Penemuan Kajian | 95 |

| | | |
|-------|--|-----|
| 5.2.1 | Rumusan Penemuan Objektif 1 | 96 |
| 5.2.2 | Rumusan Penemuan Objektif II | 97 |
| 5.3 | Cadangan Kajian | 98 |
| 5.3.1 | Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965. | 98 |
| 5.3.2 | Cadangan Tindakan Penyelesaian Melalui Kaedah Pemberimilikan Tanah Kepada Agensi Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP). | 98 |
| 5.3.3 | Memastikan <i>Standard Operating Procedure</i> Bagi Tindakan Penguatkuasaan Dilaksanakan Sepenuhnya dan Ditambahbaik | 101 |
| 5.3.4 | Menubuhkan Unit Pendakwaan dan Petugas Khas di Pentadbiran Tanah. | 102 |
| 5.3.5 | Meningkatkan Kerjasama Di Antara Agensi Kerajaan Melalui Mesyuarat Pemantauan | 103 |
| 5.3.6 | Mewujudkan Kesedaran Kepada Masyarakat Mengenai Hukuman Bagi Kesalahan Menceroboh Tanah Kerajaan. | 104 |
| 5.4 | Limitasi Kajian | 105 |
| 5.4.1 | Faktor Kawasan Kajian | 105 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjut | 105 |
| 5.5.1 | Kajian Mengenai Penambahbaikan <i>Standard Operating Prosedur</i> Bagi Pelaksanaan Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965. | 105 |
| 5.5.2 | Kajian Mengenai Implikasi Aktiviti Pencerobohan Tanah Kerajaan Kepada Kerajaan Negeri | 106 |
| 5.5.3 | Kajian Mengenai Kesan Aktiviti Pencerobohan Tanah Kerajaan Kepada Alam Sekitar | 107 |
| 5.5.4 | Kajian Mengenai Jenis Pembangunan Yang Bersesuaian Di Atas Tanah Kerajaan Yang Diceroboh | 107 |
| 5.5.5 | Kajian Mengenai Inovasi Dalam Tindakan Penguatkuasaan Di Bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 | 107 |
| 5.6 | Penutup | 108 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------|---|------------|
| Jadual 1.1 | Keluasan Tanah Kerajaan Yang Telah Diceoboh Mengikut Kategori Di Negeri Perak Sehingga Disember 2019 (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak, 2019). | 5 |
| Jadual 1.2 | Keluasan Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Kategori Pertanian Di Daerah Kinta Sehingga Disember 2019 (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak, 2019). | 6 |
| Jadual 1.3 | Butiran responden yang ditemubual. | 14 |
| Jadual 3.1 | Senarai Daerah dan Keluasan Di Negeri Perak (Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (<i>JUPEM</i>), 2020). | 58 |
| Jadual 3.2 | Pecahan Keluasan Mukim Hulu Kinta (Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh, 2010) | 61 |
| Jadual 3.3 | Taburan Jumlah Penduduk Mengikut Kaun di Daerah Kinta (Ipoh) (Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh, 2010) | 61 |
| Jadual 3.4 | Keluasan Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Kategori Pertanian Mengikut Pecahan Daerah Di Negeri Perak Sehingga Disember 2019 (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak, 2019) | 66 |
| Jadual 3.5 | Kelulusan Pemberimilikan Tanah Mengikut Kategori di Negeri Perak Dari Tahun 2000 sehingga 2019 (Unit Teknologi Maklumat PTG Perak, 2019) | 69 |
| Jadual 3.6 | Kelulusan Rancangan Pertanian Berkelompok (RPB) dan Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) di Negeri Perak Dari Tahun 2000 Sehingga Disember 2019 (Unit Pembangunan PTG Perak, 2019) | 71 |
| Jadual 4.1 | Kaedah Penyelesaian Semasa Dalam Menangani Isu Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Aktiviti Pertanian Limau Bali | 76 |
| Jadual 4.2 | Kaedah Yang Telah Dikenalpasti Oleh Responden Bagi 3 Kawasan Kajian (Pengkaji Kajian, 2021) | 77 |
| Jadual 4.3 | Plot A | 82 |
| Jadual 4.4 | Plot B | 83 |
| Jadual 4.5 | Implikasi kaedah penyelesaian | 85 |
| Jadual 4.6 | Implikasi kaedah penyelesaian | 90 |

SENARAI RAJAH

| NO.RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------|--|------------|
| Rajah 1.1 | Perbandingan Pencerobohan Tanah Kerajaan Megikut Kategori Di Negeri Perak Sehingga Disember 2019 (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak, 2019). | 5 |
| Rajah 1.2 | Ringkasan peringkat-peringkat kajian yang terlibat. | 18 |
| Rajah 2.1 | Carta Organisasi di Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh (Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh, 2020) | 38 |
| Rajah 2.2 | Carta Organisasi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negei Perak (Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak) | 39 |
| Rajah 2.3 | Faedah Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bilangan 2 Tahun 1998 (Panduan Penguasaan Tindakan Penguatkuasaan) Kepada Pentadbiran Tanah (Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bilangan 2 Tahun 1998) | 40 |
| Rajah 2.4 | Isu Dalam Pelaksanaan Penguatkuasaan (Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bilangan 2 Tahun 1998) | 42 |
| Rajah 2.5 | Lima Peringkat Pelaksanaan Penguatkuasaan (Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bilangan 2 Tahun 1998) | 46 |
| Rajah 3.1 | Peta Negeri Perak (Diakses daripada Google pada 23 Disember 2020) | 56 |
| Rajah 3.2 | Warta Kerajaan No.1348 Bertarikh 13 Ogos 2020 Berkaitan Perisytiharan Persempadanan Daerah, Mukim, Pekan dan Bandar Di Negeri Perak (Bahagian Pembangunan PTG Perak, 2020) | 57 |
| Rajah 3.3 | Pecahan Mukim / Pekan / Bandar di Daerah Kinta (Bahagian Pembangunan PTG Perak, 2020) | 60 |
| Rajah 3.4 | Kawasan Hentian Limau Bali Tambun (Aplikasi Google Earth di akses pada 23 Disember 2020) | 63 |
| Rajah 3.5 | Menunjukkan jualan limau bali yang mendapat permintaan tinggi semasa musim perayaan (Berita Harian, 2019) | 65 |
| Rajah 3.6 | Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 (Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Perak) | 65 |

| | | |
|-----------|--|-----|
| Rajah 3.7 | Standard Operating Prosedur Pencerobohan Tanah Kerajaan Di Bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak, 2020) | 68 |
| Rajah 3.8 | Peta Daerah Kinta (Diakses daripada Google pada 23 Disember 2020) | 73 |
| Rajah 4.1 | Pelan kawasan yang diluluskan pemberimilikan kepada pengusaha limau bali (Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh, 2020) | 78 |
| Rajah 4.2 | Salinan hakmilik tanah pengusaha limau bali (Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh, 2020) | 79 |
| Rajah 4.3 | Pelan Kawasan Yang Telah Diluluskan Pemberimilikan Kepada Agensi Kerajaan Negeri (Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh, 2020) | 80 |
| Rajah 4.4 | Kawasan Yang Telah Diluluskan Pemberimilikan Kepada Agensi Kerajaan Negeri (Aplikasi Google Earth diakses pada 4 Januari 2021) | 81 |
| Rajah 4.5 | Pelan Kawasan Yang Masih Berstatus Tanah Kerajaan (Aplikasi Google Earth diakses pada 4 Januari 2021) | 82 |
| Rajah 4.6 | Pelan Kawasan Kajian Pencerobohan Tanah Kerajaan (Aplikasi MapInfo dan Google Earth diakses pada 23 Disember 2020) | 83 |
| Rajah 4.7 | Gambar Gunatanah Semasa Di atas Kawasan Kajian Kes Pencerobohan Tanah Kerajaan (Aplikasi Google Earth diakses pada 23 Disember 2020) | 84 |
| Rajah 4.8 | Gambar Gunatanah Semasa Di atas Tanah Yang Telah Diberimilik Kepada Pengusaha Limau Bali (Aplikasi Google Earth diakses pada 23 Disember 2020) | 86 |
| Rajah 4.9 | Gambar Gunatanah Semasa Di atas Tanah Yang Telah Diluluskan Pemberimilikan Kepada Agensi Kerajaan Negeri (Aplikasi Google Earth diakses pada 4 Januari 2021) | 91 |
| Rajah 5.1 | Hala Tuju Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) (Diakses Daripada Internet pada 2 Januari 2021) | 100 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|------|---|---|
| KTN | - | Kanun Tanah Negara |
| MMK | - | Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri |
| PDRM | - | Polis Diraja Malaysia |
| P&P | - | Pengurusan dan Profesional |
| PBT | - | Pihak Berkuasa Tempatan |
| PDT | - | Pejabat Daerah dan Tanah |
| PPT | - | Penolong Pegawai Tanah |
| PTG | - | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian |
| RM | - | Ringgit Malaysia |
| SOP | - | Prosedur Operasi Standard |
| PPNP | - | Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak |
| LPS | - | Lesen Pendudukan Sementara |
| UPEN | - | Unit Perancang Ekonomi Negeri |
| RPT | - | Rancangan Perkampungan Tersusun |
| RPB | - | Rancangan Pertanian Berkelompok |
| NCER | - | <i>The Northern Corridor Economic Region</i> |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------|---|------------|
| Lampiran A | Prosedur Operasi Penguatkuasaan Ke Atas Usaha Haram Di Atas Tanah Kerajaan Di Bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 | 113 |
| Lampiran B | Soalan Temu Bual Separa Struktur Terhadap Responden | 117 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Merujuk undang-undang tanah iaitu Kanun Tanah Negara 1965 di bawah Seksyen 5, tanah ditakrifkan seperti mukabumi dan semua benda yang menjadi mukabumi itu, tanah yang di bawah mukabumi dan semua benda yang terkandung di dalamnya, semua tumbuh-tumbuhan, sama ada semula jadi atau di tanam, sama ada di atas atau di bawah mukabumi, semua benda yang terlekat pada mukabumi, atau yang dilekatkan secara kekal pada apa-apa benda yang terlekat pada mukabumi, sama ada diatas atau dibawah mukabumi itu dan tanah yang diliputi oleh air.

Seterusnya, merujuk Seksyen 5 KTN, tanah boleh dibahagikan kepada 5 kumpulan utama iaitu tanah milik (tanah yang mempunyai hakmilik berdaftar), tanah lombong (tanah yang diberi pajakan lombong), tanah rizab (tanah yang dirizabkan untuk maksud awam di bawah Seksyen 62 KTN), tanah rizab hutan (tanah rizab yang diwartakan di bawah Akta Perhutanan 1984) dan tanah kerajaan (semua tanah dalam negeri selain dari tanah rizab, tanah milik dan tanah rizab hutan).

Merujuk Seksyen 5 Kanun Tanah Negara (KTN), “Tanah Kerajaan” bererti semua tanah di dalam Negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai, dan tepi pantai serta dasar laut, seperti yang dalam lingkungan wilayah Negeri itu atau batas perairan wilayah) selain dari tanah bermilik, tanah rizab, tanah lombong dan mana-mana tanah yang di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan hutan. Ini bermaksud tanah-tanah yang belum diberimilik di bawah Seksyen 76 KTN atau pajakan lombong, tanah yang masih belum dirizabkan samada di bawah Seksyen 62 KTN atau di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 masih termasuk di bawah kategori tanah Kerajaan.

Secara dasarnya, pencerobohan tanah kerajaan merujuk Seksyen 425(1) KTN membawa maksud seseorang atau mana-mana pihak yang memasuki, menduduki atau menjalankan kegiatan tertentu ke atas tanah kerajaan tersebut tanpa persetujuan kebenaran, dan kelulusan pihak yang berkuasa ke atas tanah berkenaan (dalam hal ini pihak yang berkuasa ialah Pihak Berkuasa Negeri bagi sesebuah negeri itu). Bagi pencerobohan ke atas tanah bermilik di mana ia bermaksud mana-mana kegiatan yang dinyatakan di atas yang dijalankan oleh mana-mana pihak tanpa mendapat kebenaran, persetujuan dan kelulusan daripada tuanpunya tanah tersebut.

Isu ini sering berlaku di sebabkan manusia sentiasa mencari peluang untuk mendapatkan keuntungan kerana aktiviti pencerobohan tanah Kerajaan ini boleh meningkatkan ekonomi mereka dari segi kewangan dan bagi tujuan sara hidup. Aktiviti pencerobohan tanah Kerajaan ini banyak berlaku di setiap negeri disebabkan desakan ekonomi dunia pada hari ini yang mengutamakan kewangan sehingga ada di antara mereka yang sanggup melanggar undang-undang yang telah ditetapkan.

Justeru itu, tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu pencerobohan tanah Kerajaan ini perlu dilaksanakan segera bagi memastikan ketirisan hasil tanah tidak berlaku. Ini kerana tanpa kesedaran dan inisiatif yang bersungguh, isu pencerobohan ini akan terus menjadi masalah besar negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu meneliti dahulu sesuatu isu sebelum tindakan penguatkuasaan diambil bagi mengambil kira isu sensitiviti dan sosial.

Bab pengenalan ini telah memperincikan lagi berkaitan elemen-elemen utama dalam kajian. Bab ini dimulakan dengan mengupas isu dan masalah-masalah yang berbangkit berkaitan bidang kajian yang dipilih. Persoalan kajian, matlamat dan objektif kajian diterangkan dalam bab seterusnya. Kemudian, skop kajian dan kepentingan kajian juga turut diuraikan dalam bab ini.

1.2 **Penyataan Masalah**

Menurut Asiah Othman, Razani Abdul Rahim dan Khadijah Husin (2016), isu pencerobohan tanah Kerajaan ini merupakan salah satu isu negara dan perlu di beri perhatian. Ini kerana isu pencerobohan tanah kerajaan bukanlah satu isu baru. Malahan, perkara ini seringkali dikaitkan dengan peluang-peluang meneroka aktiviti pertanian baru sebagai salah satu kepelbagaian sumber ekonomi negara. Di Negeri Perak, Kerajaan Negeri komited untuk menjadikan Perak sebagai salah satu negeri utama yang menjadi penyumbang kepada sektor pertanian negara. Salah satu hasil pertanian utama yang menjadi daya tarikan di Negeri Perak ialah limau bali. Menurut sumber Malaysia Kini (2018), di sebalik daya produk hasil pertanian sebagai tarikan pelancongan utama di Negeri Perak, didapati aktiviti pertanian limau bali yang dijalankan adalah di atas tanah Kerajaan. Pekebun telah menceroboh tanah kerajaan dan keluasannya semakin bertambah dari hari ke hari sehingga menyebabkan Kerajaan negeri menghadapi masalah ketirisan hasil tanah.

Menurut Khasanah Binti Sufaat@Supaa (2009), banyak faktor yang menyebabkan pencerobohan tanah Kerajaan. Antaranya, kekurangan tanah Kerajaan pada masa ini juga menjadi punca tanah-tanah Kerajaan diceroboh oleh pihak-pihak tertentu. Masalah kekurangan tanah ini banyak berlaku di daerah-daerah yang pesat membangun contohnya di daerah Kinta Perak. Merujuk kes-kes pencerobohan tanah Kerajaan yang telah berlaku, banyak dilakukan secara bersendirian mahupun secara berkumpulan yang mana setiap kegiatan yang melanggar undang-undang ini mempunyai tujuan dan objektif yang berasaskan keuntungan. Terdapat juga kes-kes tertentu di mana pencerobohan tanah kerajaan itu telah dilakukan secara sindiket haram. Penceroboh-penceroboh tanah Kerajaan ini telah menjalankan aktiviti haram mereka bertahun-tahun lamanya tanpa dikenakan sebarang bayaran oleh Pihak Berkuasa.

Jika dilihat pada hari ini, banyak aktiviti pencerobohan yang melibatkan tanah Kerajaan, tanah milik, tanah rizab hutan dan rizab bagi maksud awam. Mereka menjalankan aktiviti pertanian, penempatan atau mendirikan bangunan bagi tujuan perniagaan tanpa kebenaran daripada pihak Berkuasa Negeri. Walau pun banyak usaha


telah dijalankan oleh Pihak Berkuasa untuk menangani isu pencerobohan tanah Kerajaan ini, isu ini tetap berlaku sehingga ke hari ini. Dari aspek perundangan, Kerajaan negeri memandang serius terhadap aktiviti pencerobohan tanah Kerajaan. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan pekeliling, arahan, peraturan dan prosedur yang berkaitan dengan Kanun Tanah Negara diikuti dan dipatuhi dengan mengambil tindakan dan menjalankan pemantauan bagi menyelesaikan isu pencerobohan tanah kerajaan. Sebarang jenis pencerobohan yang dilakukan ke atas tanah Kerajaan akan dikenakan tindakan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN). Merujuk Seksyen 425 Kanun Tanah Negara bermaksud tanah kerajaan di bawah seksyen tersebut telah menyatakan fungsi dan tanggungjawab Pentadbir Tanah khususnya bagi mengawasi dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya sekiranya mana-mana tanah tersebut diceroboh oleh pihak-pihak tertentu, selaras dengan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Pentadbir Tanah di bawah Seksyen 426A KTN.

Jika dilihat dari aspek pemberimilikan, telah dinyatakan di dalam Kanun Tanah Negara dengan merujuk Seksyen 76 iaitu kaedah pelupusan tanah melalui pemberimilikan. Di bawah Seksyen 76 ini jelas menunjukkan bahawa telah diberi peluang kepada mana-mana pihak yang berhasrat untuk menduduki, mengusaha dan memiliki mana-mana tanah kerajaan boleh membuat permohonan di mana-mana Pejabat Tanah yang berkaitan dengan mematuhi prosedur dan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, keputusan permohonan tanah adalah tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Negeri samaada diluluskan pemberimilikan, Lesen Pendudukan Sementara (LPS) atau ditolak. Ini jelas menunjukkan bahawa permohonan untuk mengusahakan sesebuah kawasan perlulah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu yang mana sekiranya kawasan tersebut telah diteroka oleh penceroboh, Pihak Berkuasa boleh mengambil tindakan undang-undang di bawah Seksyen 425 KTN.

Jadual 1.1 Keluasan Tanah Kerajaan Yang Telah Diceboh Mengikut Kategori Di Negeri Perak Sehingga Disember 2019 (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak, 2019).

| KATEGORI | KELUASAN | |
|---|------------------|------------------|
| | Hektar | Ekar |
| Bangunan | 104.41 | 258.00 |
| Pertanian | 12,719.34 | 31,430.17 |
| Jumlah Keluasan Kawasan Usaha Haram | 12,823.75 | 31,688.17 |
| <i>Jumlah keluasan Negeri Perak ialah 2, 114, 000 hektar (5,223,694 ekar)</i> | | |

Jadual 1.1 menunjukkan perbezaan keluasan tanah Kerajaan yang telah diceroboh mengikut pecahan kategori tanah iaitu bangunan sebanyak 104.41 hektar (258.00 ekar) dan pertanian sebanyak 12, 719.34 hektar (31,430.17 ekar) di negeri Perak sehingga Disember 2019. Berdasarkan jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa keluasan tanah Kerajaan yang telah diteroka bagi aktiviti pertanian adalah lebih tinggi berbanding bangunan dengan perbezaan keluasan sebanyak 12,614.93 hektar (31,172.17 ekar).



Rajah 1.1 Perbandingan Pencerobohan Tanah Kerajaan Mengikut Kategori Di Negeri Perak Sehingga Disember 2019 (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak, 2019).

Rajah 1.1 menunjukkan peratusan pencerobohan tanah Kerajaan bagi kategori pertanian adalah yang tertinggi sebanyak 99% berbanding pencerobohan bagi kategori bangunan iaitu 1%. Jika dilihat dari segi perbezaan peratusan, perbezaan ini sangat ketara yang mana pencerobohan tanah Kerajaan bagi kategori pertanian merupakan isu yang kritikal yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Perak.

Jadual 1.2 Keluasan Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Kategori Pertanian Di Daerah Kinta Sehingga Disember 2019 (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak, 2019).

| BIL. | DAERAH | KATEGORI PERTANIAN (HEKTAR) |
|-------------|---------------|------------------------------------|
| 1. | Ipoh | 186.85 |
| 2. | Batu Gajah | 316.47 |
| | Jumlah | 503.3 |

Jadual 1.2 menunjukkan keluasan pencerobohan tanah kerajaan bagi kategori pertanian di daerah Kinta. Bagi daerah Kinta terbahagi kepada 2 kawasan iaitu Batu Gajah sebanyak 316.47 hektar dan kawasan kajian kes iaitu Ipoh sebanyak 186.85 hektar. Data ini diterima daripada Unit Penguatkuasaan dan Teknikal Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak sehingga bulan Disember 2019 yang melibatkan kawasan tanah kerajaan termasuk tanah rizab seperti rizab sungai, rizab jalan dan padang ragut. Secara keseluruhannya data jumlah keluasan tanah Kerajaan yang telah diceroboh ini meliputi 18 Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Perak ialah sebanyak 12,719.34 hektar. Pencerobohan tanah Kerajaan ini banyak berlaku di setiap daerah sama ada di kawasan bandar atau pun luar bandar samaada bagi tujuan pertanian, kediaman atau perniagaan.

Strategi utama Laporan Hala Tuju Pembangunan Negeri Perak 2040 yang merujuk kepada aspek pembangunan fizikal dan guna tanah ialah pengkalan tanah untuk aktiviti pertanian. Ini bermaksud tanah yang sesuai untuk aktiviti pertanian perlu dikekalkan bagi memperkukuhkan pertanian komersial dan meningkatkan pengeluaran sumber makanan terutama kawasan yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan serta bagi memenuhi keperluan makanan penduduk. Hala tuju seterusnya ialah meningkatkan produktiviti dan hasil tanaman agro makanan dengan memelihara

kawasan pertanian subur sedia ada seperti jelapang padi, kebun buah-buahan dan sayur-sayuran, kawasan tanaman kontan, tanaman herba, florikultur, rempah-ratus dan tanaman industri. Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan, Perladangan dan Sekuriti Makanan Negeri Perak (2008), pengeluaran limau dari kawasan Tambun dan Ampang mampu mencapai hasil kira-kira RM5 juta setahun dan pengekalannya sebagai kawasan pertanian sejajar dengan dasar kerajaan untuk mengukuhkan sektor pertanian.

Namun, dalam usaha pelbagai pihak meningkatkan produktiviti sektor pertanian, Kerajaan Negeri turut berhadapan dengan isu pencerobohan tanah. Jelas menunjukkan pencerobohan tanah Kerajaan ini telah memberikan masalah kepada Kerajaan Negeri dan negara secara amnya. Kesan-kesan pencerobohan tanah Kerajaan ini telah membebankan Kerajaan kerana perlu mengeluarkan peruntukan dan mencari jalan penyelesaian bagi menyelesaikan masalah-masalah yang telah berlaku. Oleh itu, timbul persoalan, adakah kaedah-kaedah semasa bagi penyelesaian pencerobohan tanah ini telah memberikan kebaikan kepada kedua-dua pihak? Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan masalah pencerobohan tanah kerajaan dapat diselesaikan tanpa menggagalkan usaha memajukan sektor pertanian? Apakah implikasi yang timbul setelah pelaksanaan kaedah berkenaan? Adakah tindakan yang diambil berjaya mencapai matlamat? Isu ini sering menjadi persoalan di kalangan masyarakat memandangkan terdapat kaedah semasa yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu pencerobohan tanah Kerajaan ini tidak memberikan implikasi yang positif dan merugikan Kerajaan Negeri. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menjawab kepada persoalan-persoalan yang dikemukakan. Isu pencerobohan tanah kerajaan untuk aktiviti tanaman limau bali di kawasan kajian memerlukan panduan khusus bagi memastikan penambakan kaedah penyelesaian terdahulu dapat dilakukan demi kepentingan pentadbiran negeri dan pembangunan ekonomi.

1.3 Matlamat Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesesuaian kaedah-kaedah penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi isu pencerobohan tanah kerajaan bagi mengekalkan aktiviti pertanian limau bali sebagai sektor pelancongan di daerah Kinta.

1.4 Objektif Kajian

Matlamat kajian ini dapat dicapai melalui pencapaian beberapa objektif yang digariskan iaitu:

- (a) Mengkaji tindakan penyelesaian isu pencerobohan tanah Kerajaan yang telah dilaksanakan untuk aktiviti pertanian limau bali di daerah Kinta.
- (b) Mengkaji implikasi terhadap tindakan penyelesaian yang telah dilaksanakan bagi menyelesaikan isu pencerobohan tanah Kerajaan untuk aktiviti pertanian limau bali di daerah Kinta.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji tindakan penyelesaian yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu pencerobohan tanah Kerajaan bagi aktiviti pertanian Limau Bali di Daerah Kinta. Seterusnya kajian ini juga akan mengkaji implikasi terhadap tindakan penyelesaian kes pencerobohan tanah kerajaan untuk aktiviti pertanian limau bali di daerah Kinta.

Kajian ini akan melibatkan 3 kawasan yang pada asalnya telah diceroboh dengan tanaman limau bali di kawasan Tambun dan Ampang di daerah Kinta seperti berikut:

- i) Kawasan seluas 85.77 hektar (211.94 ekar)
- ii) Kawasan seluas 46.54 hektar (115.84 ekar)
- iii) Kawasan seluas 12.14 hektar (30 ekar)

Seterusnya, kajian ini akan mencadangkan kaedah penyelesaian yang terbaik di atas tanah Kerajaan yang telah diceroboh yang melibatkan kawasan di Wilayah Tambun dan Ampang Baru, Mukim Hulu Kinta seluas 85.77 hektar (211.94 ekar) yang terdiri daripada 2 kawasan iaitu di Plot A seluas kira-kira 54.37 hektar (134.35 ekar) dan Plot B seluas kira-kira 31.4 hektar (77.6 ekar). Ini kerana isu pencerobohan tanah Kerajaan ini telah berlarutan sejak sekian lama walaupun beberapa kaedah penyelesaian telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri namun keberkesanannya masih belum diperolehi.

Kajian yang dijalankan ini hanya melibatkan kawasan di dalam daerah Kinta sahaja iaitu di kawasan Wilayah Tambun dan Ampang. Kawasan ini adalah di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh dan berada di dalam kawasan Majlis Bandaraya Ipoh. Hampir keseluruhan tapak yang telah diceroboh ini telah diusahakan secara haram oleh penduduk berhampiran iaitu dari kawasan Kampung Baru Ampang dan juga Tambun dengan tanaman limau bali. Kawasan yang diceroboh ini telah ditanam dengan tanaman limau bali yang sinonim dengan panggilan Limau Bali Tambun. Produk pertanian limau bali ini juga telah menjadi tarikan pelancong di dalam dan luar negara untuk datang ke Ipoh Perak. Realitinya pencerobohan tanah Kerajaan ini telah menyebabkan Kerajaan Negeri ketirisan hasil tanah iaitu bayaran premium dan cukai tanah. Isu di kawasan ini agak berbeza kerana matlamat Kerajaan Negeri untuk mengekalkan dan menjaga sektor pelancongan di negeri Perak khususnya kawasan Tambun yang sinonim dengan gelaran Limau Bali Tambun itu sendiri.

Pemerhatian dan pembacaan mendapati bahawa terdapat juga kajian-kajian yang telah dibuat berkenaan pencerobohan tanah Kerajaan, tetapi fokus kajian-kajian yang dilakukan adalah berbeza. Kebanyakkan kajian lain lebih menumpukan kepada implikasi dan kajian dari aspek tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Pihak Kerajaan dalam menangani masalah ini sahaja. Selain itu, terdapat juga kajian

pencerobohan tanah Kerajaan lebih memfokuskan kepada kesan kepada alam sekitar seperti bencana alam, sosial dan pencemaran air. Antara kajian yang mengkaji mengenai pencerobohan tanah Kerajaan ialah dari Asiah Othman, Razani Abdul Rahim dan Khadijah Husin (2006) iaitu berkaitan pencerobohan tanah Kerajaan bagi kategori bangunan di Johor Bahru. Kajian ini lebih memfokuskan kepada tanah-tanah Kerajaan yang berpotensi untuk dibangunkan. Selain itu terdapat juga kajian dari Khasanah Supaat (2009) yang mengkaji faktor-faktor pencerobohan tanah Kerajaan dan mengkaji tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan bagi menyelesaikan isu ini. Seterusnya, kajian daripada Che Mustapha Abdullah (2005), menerangkan mengenai prosedur pemberimilikan tanah kepada pemaju yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi memajukan tanah-tanah pertanian di kawasan Simpang Pulai Ipoh Perak.

Kajian ini lebih memfokuskan kepada tindakan penyelesaian yang telah dilaksanakan dan seterusnya mengkaji implikasi kepada kaedah penyelesaian yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini. Kaedah penyelesaian yang akan dicadangkan juga akan memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mengekalkan tanaman limau bali di kawasan Tambun dan Ampang ini yang sinonim dengan sektor pelancongan.

1.6 Kepentingan Kajian

Secara amnya, kajian yang dijalankan ini akan memberi manfaat kepada beberapa Jabatan dan Agensi seperti berikut:

1.6.1 Pihak Berkuasa Negeri

Kajian yang akan dilaksanakan ini akan memastikan Kerajaan Negeri tidak akan ketirisan hasil tanah iaitu premium dan cukai. Ini kerana kaedah penyelesaian yang akan dicapai akan memberi keuntungan kepada Kerajaan Negeri melalui kutipan hasil tanah dan pada masa yang sama pembangunan pertanian limau bali di kawasan Tambun dapat dikekalkan. Kaedah ini secara tidak langsung dapat meningkatkan

sektor pelancongan di Negeri Perak dengan menambahbaik aktiviti tanaman limau bali dan kawasan disekitarnya supaya dapat dibangunkan dengan lebih terancang dan bersistematik. Secara tidak langsung Kerajaan Negeri Perak dapat merealisasikan hasrat untuk membangunkan kawasan Tambun berhampiran bandaraya Ipoh sebagai pusat tumpuan pelancongan memandangkan kawasan itu sinonim dengan limau bali atau lebih dikenali limau Tambun yang mendapat permintaan tinggi dari seluruh negara. Selain itu, imej Kerajaan Negeri juga dilihat lebih baik daripada sebelum ini kerana dapat menyelesaikan isu pencerobohan tanah Kerajaan dengan cara yang berhemah. Justeru itu, dalam usaha kerajaan untuk menyelesaikan isu pencerobohan tanah Kerajaan, kajian ini dianggap penting kerana masalah ini melibatkan pelbagai pihak dan sentiasa menjadi isu sensitif, baik pada peringkat negeri mahupun nasional.

1.6.2 Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak (PTG) akan mendapat manfaat selaku penyelaras dan penasihat kepada Pentadbir Tanah di Negeri Perak. Kaedah penyelesaian ini juga boleh diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri sebagai panduan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah lain di negeri Perak. Selain itu, isu pencerobohan tanah Kerajaan ini dapat diselesaikan mengikut perundangan tanah dan seterusnya memberi imej yang baik kepada Pentadbiran Tanah kerana dapat menyelesaikan isu pencerobohan tanah dengan cara yang berhemah.

1.6.3 Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh

Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh selaku Pentadbir Tanah di kawasan ini akan memperoleh manfaat kerana dapat menyelesaikan isu pencerobohan tanah dengan proaktif dan efisien. Kaedah penyelesaian ini juga boleh dipraktikkan di kawasan lain sekiranya bersesuaian.

1.6.4 Jabatan Pertanian Negeri Perak

Jabatan lain yang terlibat ialah Jabatan Pertanian Negeri Perak. Melalui kajian ini, jabatan ini akan dapat mengekalkan kawasan tanaman limau bali ini dan seterusnya boleh merangka pelan pembangunan dari aspek pertanian yang lebih bersistematik dan teratur.

1.7 Metodologi Kajian

Dalam sesuatu kajian, metodologi kajian adalah amat penting agar objektif yang dinyatakan akan tercapai di akhir kajian. Satu penyusunan rangka kerja bagi kajian ini telah dibuat secara berperingkat seperti berikut:

1.7.1 Peringkat Kajian Awal

Pada peringkat kajian awalan, kajian ini akan memfokuskan kepada pengenalan dan pendahuluan kajian yang hendak dikaji dengan lebih mendalam. Seterusnya, kajian ini akan memfokuskan kepada mengenalpasti pernyataan isu dan masalah, objektif kajian, matlamat kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

1.7.2 Peringkat Kajian Literatur

Pada peringkat kajian literatur, fokus kajian ini lebih kepada gambaran dan pemahaman awal tentang konsep-konsep asas dalam kajian yang dijalankan. Konsep asas ini merangkumi definisi pencerobohan tanah kerajaan dan fokus kepada tujuan pertanian. Seterusnya, dikaji pula punca dan faktor berlakunya kegiatan pencerobohan tanah kerajaan serta kesan kegiatan pencerobohan tanah kerajaan.

1.7.3 Peringkat Kajian Lapangan

Pada peringkat kajian lapangan, kaedah seterusnya ialah mengadakan sesi temubual bagi mendapatkan sumber-sumber data primer. Data primer bermaksud data yang diperolehi hasil daripada temubual pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan isu pencerobohan tanah Kerajaan. Temubual dijalankan terhadap pihak-pihak / jabatan atau agensi yang terlibat dengan prosedur atau penguatkuasaan bagi kes-kes pencerobohan tanah kerajaan di daerah Kinta Perak ini. Pihak-pihak yang akan ditemubual ialah Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh, Majlis Bandaraya Ipoh, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Perak dan Jabatan Pertanian Negeri Perak. Butiran responden yang ditemubual adalah ditunjukkan seperti Jadual 1.3 berikut.

Sesi temubual dijalankan di kalangan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh yang terlibat secara langsung bagi menyelesaikan isu pencerobohan tanah Kerajaan. Unit yang terlibat iaitu Unit Pelupusan serta Penguatkuasaan Teknikal dan Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh. Responden terdiri daripada Penolong Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Tanah. Fungsi Unit Penguatkuasaan dan Teknikal ialah keterlibatan secara langsung di dalam pengawalseliaan, pemantauan dan penguatkuasaan.

Responden seterusnya melibatkan Pengarah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak serta tiga unit yang terlibat iaitu Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak, Unit Perundangan dan Unit Standard dan Inspektorat PTG Perak. Pihak PTG Perak memainkan peranan yang penting di dalam sistem pentadbiran tanah kerana menjadi penyelaras dan wakil kepada Kerajaan Negeri dalam merencana dasar dan prosedur dalam menyelesaikan sesuatu isu yang berkaitan dengan aspek tanah. Objektif Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak ialah menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan tanah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi Negeri Perak Darul Ridzuan di samping menyampaikan pengetahuan kepada orang awam dan badan korporat perihal pemantauan peraturan-peraturan tanah yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Jadual 1.3 Butiran responden yang ditemubual.

| BIL. | RESPONDEN | KATEGORI JABATAN / AGENSI | JAWATAN |
|------|-----------|--|---|
| 1 | R1 | Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh | Penolong Pegawai Daerah (Unit Pelupusan dan Teknikal Penguatkuasaan PDT Ipoh) |
| 2 | R2 | Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh | Penolong Pegawai Tanah (Unit Pelupusan dan Teknikal Penguatkuasaan PDT Ipoh) |
| 3 | R3 | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak | Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak |
| 4 | R4 | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak | Penolong Pengarah (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak) |
| 5 | R5 | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak | Penolong Pegawai Tanah (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak) |
| 6 | R6 | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak | Penolong Pegawai Tanah (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak) |
| 7 | R7 | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak | Penolong Pegawai Tanah (Unit Penguatkuasaan dan Teknikal PTG Perak) |
| 8 | R8 | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak | Penolong Pegawai Tanah (Unit Standard dan Inspektorat PTG) |
| 9 | R9 | Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak | Pegawai Undang-Undang PTG Perak |
| 10 | R10 | Jabatan Pertanian Negeri Perak | Penolong Pengarah |
| 11 | R11 | Jabatan Perancang Bandar dan Desa | Penolong Pengarah |
| 12 | R12 | Majlis Bandaraya Ipoh | Penolong Pengarah Perancang Bandaraya |

Keseluruhan dua belas (12) orang responden yang terlibat dalam sesi temubual ini adalah terdiri daripada wakil jabatan dan agensi yang terlibat secara langsung dengan isu pencerobohan tanah Kerajaan dan pembangunan kawasan Tambun dan Ampang di daerah Kinta.

Jabatan teknikal yang terlibat selain Majlis Bandaraya Ipoh ialah Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Perak. Jabatan Perancang Bandar dan Desa turut berperanan dalam penentuan syarat dan Rancangan Tempatan yang telah ditetapkan.

Selain itu, Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 (RSN Perak 2040) dijadikan dokumen perancangan yang memandu dan mengawal pembangunan fizikal seluruh Negeri Perak sehingga tahun 2040.

Seterusnya, temubual juga melibatkan Jabatan Pertanian Negeri Perak. Jabatan ini mempunyai peranan yang besar di dalam merancang pembangunan sektor pertanian di negeri Perak. Responden yang ditemubual terdiri daripada pegawai Jabatan Pertanian Negeri Perak. Isu pencerobohan tanah bagi tanaman limau bali ini berkait rapat dengan sektor pertanian dan selaras dengan moto Jabatan Pertanian iaitu 'Pertanian Adalah Perniagaan'. Moto ini dapat direalisasikan khususnya kepada komuniti tani di Negeri Perak Darul Ridzuan dan dapat menyumbang kepada misi Kerajaan dalam meningkatkan ekonomi petani melalui kaedah pengembangan iaitu pemindahan teknologi (*transfer of technology*) dan kerja-kerja khidmat *regulatori* (penguatkuasaan Akta-akta Pertanian).

Bagi kaedah premier, pembentukan Borang Temubual ini digunakan bagi melaksanakan kaedah temubual separa struktur. Borang temubual ini telah diedarkan kepada responden yang telah dikenalpasti terlibat secara langsung dengan penyelesaian isu pencerobohan tanah dan pembangunan kawasan Tambun dan Ampang. Contoh Borang Temubual adalah seperti di Lampiran B. Borang temubual ini kemudiannya diedarkan kepada semua responden bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki untuk dianalisis. Pembentukan borang temubual ini dibahagikan kepada beberapa bahagian dan memfokuskan beberapa perincian seperti berikut:

- i. Bahagian A: Profil & Maklumat Responden
Bahagian ini mengandungi maklumat responden seperti nama, Jabatan, bahagian dan jawatan responden.
- ii. Bahagian B: Tindakan-Tindakan Penyelesaian Yang Telah Dilaksanakan Sebelum Ini Bagi Menyelesaikan Isu Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Tujuan Pertanian Limau Bali Di Daerah Kinta.

Bahagian ini akan mengkaji tindakan-tindakan penyelesaian yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi menyelesaikan isu pencerobohan tanah kerajaan bagi tujuan pertanian limau bali di daerah kinta.

iii. Bahagian C: Mengkaji Implikasi Tindakan Penyelesaian Ke Atas Pencerobohan Tanah Kerajaan Yang Telah Dilaksanakan Sebelum Ini Bagi Tujuan Pertanian Limau Bali Di Daerah Kinta

Bahagian ini akan mengkaji implikasi tindakan penyelesaian ke atas pencerobohan tanah kerajaan yang telah dilaksanakan sebelum ini samaada tindakan sebelum ini berjaya menyelesaikan isu pencerobohan tanah bagi aktiviti tanaman limau bali ataupun tidak.

iv. Bahagian D: Cadangan Kaedah Penyelesaian Ke Atas Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Tujuan Pertanian Limau Bali Di Daerah Kinta.

Bahagian ini akan menganalisis beberapa cadangan kaedah penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan isu pencerobohan tanah Kerajaan bagi tanaman limau bali di kawasan Tambun dan Ampang.

Seterusnya di dalam kajian ini, Data Sekunder juga akan digunapakai. Data Sekunder bermaksud data yang diperolehi daripada, fail-fail laporan serta sumber-sumber lain yang mempunyai kaitan tentang isu pencerobohan tanah Kerajaan ini. Data ini juga akan diperolehi daripada jabatan atau agensi yang terlibat secara langsung dengan isu pencerobohan tanah Kerajaan ini.


1.7.4 Peringkat Analisis Kajian

Pada peringkat ini, data yang telah diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan kaedah deskriptif bagi mencapai objektif dan matlamat kajian yang telah ditetapkan. Peringkat ini penting kerana data primer dan data sekunder yang diperolehi akan dikumpulkan, dianalisis, disunting dan dikemaskini supaya menjadi satu maklumat yang berguna untuk dimasukkan ke dalam penulisan kajian. Ini juga adalah bertujuan bagi memastikan objektif dan matlamat kajian dapat dicapai melalui

penemuan kajian yang bertepatan dengan kajian yang dijalankan. Melalui data primer dan sekunder ini akan menganalisa serta mengenalpasti faktor-faktor berlakunya pencerobohan tanah Kerajaan.

1.7.5 Peringkat Penemuan Kajian

Peringkat ini merupakan peringkat terakhir yang melibatkan proses merumuskan keseluruhan kajian yang dijalankan. Rumusan akan dibuat dengan teliti bagi memastikan hasil penulisan adalah seperti yang diharapkan dan mencapai matlamat serta objektif yang disasarkan. Beberapa cadangan untuk tujuan penambahbaikan yang difikirkan wajar akan diberikan sebagai mengakhiri penulisan kajian ini. Dengan itu, cadangan yang telah dikemukakan dapat dijadikan sebagai rujukan dan contoh kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kaedah penyelesaian pencerobohan tanah kerajaan di Wilayah Tambun dan Ampang Baru, Mukim Hulu Kinta Daerah Kinta ini bagi memastikan Kerajaan Negeri tidak lagi ketirisan hasil tanah.



Rajah 1.2 Ringkasan peringkat-peringkat kajian yang terlibat.

1.8 Susunatur Bab

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab yang merangkumi bab pengenalan, kajian-kajian mengenai penceroohan tanah, kawasan kajian iaitu di daerah Kinta di negeri Perak, analisis kajian dan akhir sekali kesimpulan dan cadangan.

1.8.1 Bab Satu – Pengenalan

Bab yang pertama merupakan pengenalan secara ringkas mengenai penulisan kajian ini secara keseluruhan. Pada permulaannya, dinyatakan definisi pencerobohan tanah, matlamat kajian, objektif kajian dan isu pernyataan masalah bagi kajian ini. Seterusnya, dinyatakan skop dan pihak -pihak yang akan mendapat manfaat daripada kajian ini. Di dalam bab satu juga menerangkan mengenai kaedah metodologi yang digunakan di dalam kajian ini.

1.8.2 Bab Dua – Pencerobohan Tanah Kerajaan

Bab yang kedua ini merangkumi kajian literatur daripada pengkaji-pengkaji lain mengenai isu pencerobohan tanah kerajaan serta merangkumi faktor-faktor berlakunya pencerobohan tanah kerajaan. Selain itu, rujukan sumber perundangan yang berkaitan dengan pencerobohan tanah juga diterangkan di dalam bab ini. Kajian ini juga menyentuh mengenai isu dalam pelaksanaan penguatkuasaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965.

1.8.3 Bab Tiga – Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Tujuan Tanaman Limau Bali Di Daerah Kinta

Bab yang ketiga ini pula akan menerangkan mengenai kawasan kajian yang terlibat. Bab ini akan memfokuskan kawasan kajian yang berada di daerah Kinta Ipoh yang melibatkan tiga kawasan yang pada asalnya telah ditanam dengan tanaman limau bali seluas 357.78 ekar. Seterusnya, latar belakang kawasan ini juga akan merangkumi populasi penduduk dan aktiviti semasa di kawasan ini.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Rahman (16 Jun 2015). Petani Didakwa Ceroboh Tanah Kerajaan Tanpa Kebenaran Sah Di Cameron Highlands. *Utusan Malaysia*. Diakses pada Nov 27, 2015 dari <http://www.utusan.com.my>
- Ahmad Hidayat Bin Mohd Idris (2017). Amalan Tatacara Permohonan Tanah Pertanian Di Pejabat Tanah Daerah.
- Asiah Othman, Razani Abdul Rahim dan Khadijah Husin (2006). *Implikasi Pencerobohan Tanah Kerajaan Kajian Kes: Bandaraya Johor Bahru*. Laporan Akhir Penyelidikan Jangka Pendek, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Ayub, K. b. (2016). *Implikasi Perbezaan Perundangan Ke Atas Aktiviti Perlombongan di Negeri Perak*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Azima AM , Zaimah R , Suhana Saad , Sarmila MD Sum , Mohd Yusoff Hussain , Shafiq AK , Novel Lyndon , Sivapalan Selvadurai , Mohd Fuad Mat Jali , Mokhtar Jaafar (2016). *Cabaran dalam mempertahankan tanah adat di Malaysia: Kajian kes tanah NCR suku kaum Bidayuh di Sarawak*. Diakses pada 30 Oktober 2020 dari GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 12 issue 4 (84 - 93) 84 © 2016.
- Azizi Zakaria (2013). Pencerobohan Tanah Kerajaan – Tinjauan Dari Sudut Perundangan Tanah. *Jurnal Pentadbiran Tanah*. 3 (Bil.1), 54-61.
- Berita Harian: Kerajaan Pahang Bertegas Isu Pekebun Haram Durian Musang King (2020).
- Ceroboh Tanah 4400 Hektar Secara Haram Di Raub, Pahang (29 Ogos 2020). Diakses pada 30 Oktober 2020 dari <https://www.editormalaysia.com/16641>
- Che Mustapha Bin Abdullah (2005). *Permasalahan Pembangunan Tanah Pertanian Di Pinggir Bandar: Kes Kajian Dusun Buah-Buahan Keramat Pulai, Ipoh, Perak*.
- Davis, J.M. & Cornwell, D.A. (1991). *Introduction to Environmental Engineering*. Boston, Massachusetts: P.W.S
- Dewi Adharina Mohd Yunus (2002). *Kajian Penguatkuasaan Terhadap Pencerobohan Tanah Kerajaan D dalam Kawasan Rezab Melayu*. Tesis Sarjana

- Muda Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Hairazi Rahim @ Abdul Rahim, (2012). *Kajian Kesan Aktiviti Pertanian Kepada Banjir Di Cameron Highlands*.
- Hasnul Bin Mohamed (2006). *Kepentingan Lesen Pendudukan Sementara Sebagai Penyumbang Hasil Kepada Pihak Berkuasa Negeri Dan Pemegangnya (Kajian Kes Di Daerah Pekan, Pahang)*.
- Hoffman D, Butler JH, Dlugokencky EJ, Elkins JW, Masarie K, Montzka SA & Tans P (2006). *The role of carbon dioxide in climate forcing from 1979 to 2004: Introduction of the annual greenhouse gas index. Tellus B58(5), 614-619.*
- Hornby, A. S. (2015). *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. London: Oxford University Press.
- Kamal Halili Hassan. (2014). Ulasan Buku. *Jurnal Kanun*, (2), 285–290.
- Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56).
- M Saripan (2000). *Pembinaan Rumah Ibadat Di Pulau Pinang : Satu Kajian Mengenai Insiden Agama Di Kg. Rawa, Pulau Pinang*.
- Mitlin, D. (2003). “*Addressing Urban Poverty Through Strengthening Assets.*” *Habitat International. Elsevier Science Ltd.* 27 (2003) 393–406
- Mohd Fadzil Abdul Rashid dan Ishak Ab. Ghani (2007). *Migrasi Dan Kemiskinan Bandar: Suatu Kajian Literatur*.
- Mohamad Bin Ismail (2005). *Setinggalan Dan Permasalahannya Serta Penyelesaian Ke Arah Setinggalan Sifar*.
- Ngah, Yusri, Marzuki dan Ishak (2006). *Impak Pembangunan Terhadap Alam Sekitar di Cameron Highlands*.
- Norchaya (2011). *Pencerobohan Tanah Wakaf Dari Aspek Perundangan Negara*
- Nor Hakimi binti Karsono (2000). “*Pembangunan Tanah Setinggalan Faktor Penyebab Kepada Halangan Pembangunan.*” PSM Sarjana Muda Jabatan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, UTM. Tidak diterbitkan.
- Noor Sharifah Sutan Saidi dan Abu Salehak Musa (1998). “*Masalah Sosial Semasa: Apakah Peranan Jururancang Bandar.*” *Jurnal Alam Bina*.
- Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bilangan 2 Tahun 1998 (1998). (Panduan Pengurusan Tindakan Penguatkuasaan).
- Pekeliling Kemajuan Pengurusan Pentadbiran Tanah Bilangan 2 Tahun 1998 (1998). (Panduan Pengurusan Tindakan Penguatkuasaan).

- Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil. 1/1979 (1979). (Kebenaran Kakitangan Awam untuk Memiliki Tanah).
- Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak Bil. 8/2014 (2014). (Prosedur Permohonan Dan Pemberimilikan Tanah Secara Berkelompok Bagi Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) Dan Rancangan Pertanian Berkelompok (RPB) Di Pentadbiran Tanah Negeri Perak).
- Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Bil.3/2009 (2009). (Penguatkuasaan Perjanjian Usaha Sama Seragam Bagi Pemajuan RPT Antara Kerajaan Negeri Perak dan Pihak Pemaju Di Bawah Program Setingan Sifar Perak 2010).
- Pekeliling Perkhidmatan Bil.3 Tahun 2002 (2002). (Permohonan Kakitangan Kerajaan melalui HRMIS bagi permohonan kebenaran untuk memiliki Tanah Kerajaan).
- Pertanian haram Cameron Highlands dibersih. (3 Mac 2015). *Utusan Malaysia*. Diakses pada Nov 27 2015 dari <http://www.utusan.com.my>
- PLANMalaysia@Perak (2020). Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 (Kajian Semula).
- Rahim, H. dan Samah, M.A.A. (2012). *Impak hakisan tanah di Cameron Highlands*. Dewan Kosmik 29 – 31.
- Ramlee bin Abdul Rahman (2000) “*Pencerobohan Tanah Kerajaan di negeri Johor: Masalah Perlaksanaan Tindakan Penguatkuasaan.*” Tesis Sarjana. Jabatan Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, UTM
- Sonja Vermeulen, & Nathalie. (2006). *Towards Better Practice In Smallholder Palm Oil Production*. Natural Resource Issues. Series 5. International Institute For Environment And Development. London, UK. Retrieved from <https://en.wikipedia.org>